

Jumaat, 17 April 2020 | 10:10am



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi.  
Foto/NSTP/Mohd Fadli Hamzah

## PKP: Mohon dengan MITI jika KPDNHEP belum beri pengesahan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**PUTRAJAYA:** Syarikat yang menjalankan aktiviti rantaian pembekalan makanan, e-dagang serta perkhidmatan pengedaran yang menerima pengesahan kebenaran daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sebelum atau pada 14 April lalu tidak perlu mengemukakan permohonan baru.



Mereka sebaliknya boleh meneruskan operasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata hanya pemohon yang masih belum menerima pengesahan dari pihak KPDNHEP sahaja diminta untuk membuat permohonan baharu secara dalam talian di laman sesawang Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

“Di bawah tempoh PKP Fasa 1 dan 2, KPDNHEP sudah memberikan pengesahan kebenaran beroperasi bagi pemain industri yang terdiri daripada pengedar, pemborong, peruncit dan e-dagang dalam memastikan rakyat terus mendapat akses kepada keperluan asas dan produk kritikal sepanjang tempoh PKP.

“Bagi mengimbangi kelangsungan ekonomi negara, kerajaan bersetuju untuk mengambil langkah pro-aktif dan responsif bagi membenarkan beberapa sektor ekonomi tambahan beroperasi secara berfasa seperti yang diumumkan oleh kerajaan semalam,” katanya dalam kenyataan media.

Alexander berkata, bagi PKP fasa ketiga pula, kerajaan memutuskan untuk membenarkan beberapa perniagaan lain untuk beroperasi.

“Antara subkluster tambahan yang dibenarkan beroperasi di bawah kawal selia KPDNHEP ialah kedai perkakasan (hardware), kedai barangan elektrik dan elektronik termasuk kedai peralatan telekomunikasi dan perkhidmatan dobi.

“Semua permohonan bagi sub sektor tambahan ini hendaklah dikemukakan kepada MITI secara atas talian di laman sesawang [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my) <https://application.miti.gov.my>.

“Hanya permohonan yang menepati syarat prosedur operasi standard (SOP) dan lengkap sahaja akan dipertimbangkan.

“Permohonan yang diterima selain daripada melalui portal berkenaan tidak akan diproses,” katanya dalam satu kenyataan.

Dalam pada itu, Alexander berkata syarikat yang ingin mengemukakan permohonan sub sektor tambahan di bawah kawal selia KPDNHEP ini juga hendaklah memastikan lokasi operasi mereka tidak berada di zon merah, zon kuning atau yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) seperti yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepanjang tempoh PKP.

“Selain pematuhan kepada syarat dan garis panduan yang diperketatkan ini, kebenaran beroperasi ini juga tertakluk kepada pematuhan syarat yang ditetapkan oleh MKN, KKM dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan garis panduan oleh lain-lain agensi penguatkuasaan yang berkaitan dari semasa ke semasa.

“Kegagalan syarikat untuk berbuat demikian boleh mengakibatkan kebenaran beroperasi dibatalkan serta-merta,” katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/678123/pkp-mohon-dengan-miti-jika-kpdnhep-belum-beri-pengesahan>